

Headline	Peluang jalani latihan industri di Bernama	Color	Full Color
MediaTitle	Utusan Malaysia	Circulation	197,952
Date	25 May 2012	Readership	833,287
Section	Dlm Negeri	ArticleSize	208 cm²
Page No	31	AdValue	RM 4,149
Language	Malay	PR Value	RM 12,446
Journalist	N/A		
Frequency	Daily		



Peluang jalani latihan industri di Bernama

PENUNTUT tujuh Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan lima Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) berpeluang mengikuti latihan Industri di Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama) selepas termetrainya perjanjian persefahaman (MoU) antara pihak berkenaan di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

MoU tersebut ditandatangani oleh Pengurus Besar Bernama, Datuk Hasnul Hassan dan wakil-

wakil institusi pengajian tinggi terbabit dengan disaksikan oleh Menteri Pengajian Tinggi Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, Timbalan Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan, Datuk Maglin Dennis D'Cruz serta Pengerusi Bernama, Datuk Abdul Rahman Sulaiman.

Melalui MoU untuk jangka masa tiga tahun itu, Bernama akan mengambil 45 pelajar setiap tahun iaitu sepuluh pelajar dari Universiti Teknologi Mara, Universiti Putra

Malaysia (5), Universiti Sultan Zainal Abidin (5), Universiti Kebangsaan Malaysia (5), Universiti Teknologi Malaysia (5), Universiti Malaya (5) dan Universiti Utara Malaysia (10).

Selain itu, Bernama juga akan mengambil lima pelajar Limkokwing University of Creative Technology, Kolej Universiti Infrastruktur Kuala Lumpur (5), Multimedia College Sdn Bhd (5), Universiti Industri Selangor (10) dan tujuh pelajar Kolej Poly-Tech MARA.